

UEC: Sejarah, Bahasa Melayu kekal syarat wajib ke IPTA

Oleh Berita Harian @[Mohd Iskandar Ibrahim](#) - 15 Mei , 2026 @ 11:26am



Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir bersama penerima-penerima sijil ketika Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti 2025 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). Turut kelihatan Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Datuk Dr Aminuddin Hassim (kiri). - Foto NSTP/Mohd Fadli Hamzah

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir menegaskan bahawa mata pelajaran Bahasa Melayu dan Sejarah yang dikendalikan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) serta diiktiraf Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) kekal menjadi syarat wajib bagi kemasukan pelajar lepasan di luar sistem pendidikan kebangsaan ke IPTA. Walaupun kerajaan membuka laluan khas kepada pelajar tahfiz dan SMPC/UEC untuk mengikuti program tertentu, asas kemasukan masih berpandukan kelayakan SPM dan sistem meritokrasi UPUOnline.

Antara program ditawarkan kepada lepasan tahfiz ialah bidang dakwah, Al-Quran dan As-Sunnah serta pendidikan tahfiz, manakala lepasan SMPC/UEC boleh memohon program berkaitan bahasa dan pengajian Cina. Pelajar daripada aliran ini yang memiliki SPM penuh pula masih boleh memohon semua program pengajian melalui UPUOnline mengikut syarat dan merit yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Pendidikan Tinggi.